



DATUK Seri Dr. Mahathir (tengah) tiba dengan diiringi perarakan bunga manggar untuk merasmikan surau Kampung Benteng, Segambut, dekat Kuala Lumpur semalam.

Beliau diiringi sama oleh isterinya, Datin Seri Dr. Hasmah Mohamad Ali dan Senator Abdul Razak Samah. — Gambar Berita Harian.

Mahathir: Hanya Kerajaan yg mampu beri kemudahan

2240
 naan 416/82

KUALA LUMPUR, Selasa.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir M o h a m a d menegaskan, hanya Kerajaan sahaja yang mampu memberikan kemudahan serta memenuhi permintaan dan keperluan rakyat.

Katanya, memang

menjadi hasrat Kerajaan untuk menolong kesemua golongan rakyat dan semenjak kemerdekaan, berbagai-bagai bantuan dan pertolongan telah diberikan kepada rakyat.

"Bagaimana pun Kerajaan tidak dapat memberi kesemua bantuan atau memenuhi segala permintaan," kata beliau sewaktu merasmikan surau di

Kampung Benteng dekat sini petang ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemberian bantuan bergantung kepada keupayaan Kerajaan dan kepentingannya bagi orang ramai.

"Oleh itu jika orang ramai lambat mendapat bantuan Kerajaan seperti bekalan api atau air, janganlah terus memburuk-burukkan Kerajaan," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Perbuatan seperti itu, katanya, akan hanya membuka peluang kepada golongan tertentu menjangkakan jarum mualih mereka.

Bantuan

Menyentuh mengenai setingan (Kampung Benteng adalah kampung setingan), Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan sentiasa berusaha memberikan bantuan kepada setingan dan mengatasi masalah mereka.

"Bagaimanapun itu bukanlah bermakna Kerajaan akan memberikan segala bantuan yang mereka kehendaki," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, bantuan Kerajaan kepada setingan bukan terhad kepada memberi geran tanah sahaja tetapi bantuan lain seperti kemudahan infrastruktur, buku teks dan sekolah.

Surau berharga \$12,000 itu dibiayai sebanyak \$4,500 oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan bakiannya oleh penduduk kampung melalui kutipan derma.

Bahan asal dari Arkib
 Negara Malaysia